

Tarannum Al-Quran Menurut Pandangan Ulama

*Oleh: Dr. Muhammad Lukman bin Ibrahim**

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan berkenaan ilmu tarannum al-Quran dari sudut takrif dan perbahasan ulama sekitar hukum tarannum tersebut. Adakah tarannum al-Quran bersumber daripada nas-nas syarak yang kukuh atau sekadar adat yang dipegang turun temurun? Ini adalah fokus utama artikel ini. Pandangan ulama di dalam ilmu ini terbahagi kepada dua kelompok besar iaitu antara pandangan menyokong dan sebaliknya. Artikel ini menyelami punca perbahasan ini dengan mengetengahkan hujah-hujah pihak yang menyokong dan hujah-hujah yang menentang. Suatu kesimpulan diberikan dengan menekankan pandangan yang rajih di akhir artikel ini.

PENDAHULUAN

Al-Quran adalah kalam Allah s.w.t yang Maha Tinggi. Kemuliaan dan ketinggian adalah di dalam semua aspek sama ada dari sudut mukjizatnya, ketinggian bahasanya, perkhabaran tentang peristiwa lepas, semasa dan akan datang, bahkan tilawahnya yang mesti dibaca sebaik mungkin sesuai dengan status al-Quran. Lalu, dengan itu adalah menjadi suatu keperluan membincang dan mempelajari ilmu tarannum sebagai menunaikan hak tilawah al-Quran dengan sebaik-baiknya.

* Muhammad Lukman bin Ibrahim, PhD, Ketua Jabatan al-Quran dan Hadis, KIAS, Nilam Puri, Kelantan.

TAKRIF TARANNUM

Tarannum dari sudut Bahasa

Tarannum (الترنم) dari sudut bahasa, berasal dari perkataan (تَرَنَّمَ) yang bererti menyanyi, mendendang dan memperelokkan suara terhadap sesuatu.¹ Perkataan ini juga digunakan sama ada untuk haiwan² dan jamaat³. Dengan itu, setiap perkara yang menghasilkan bunyi atau suara yang menarik untuk didengar adalah dipanggil nyanyian (tarannum).⁴

Terdapat beberapa perkataan lain yang memberi makna yang hampir sama dengan tarannum ialah:

1. al-tarji' (الترجييع)
2. al-taghanni (التغنى)
3. al-tatrib (التطريب)
4. al-talhin (التلحين)
5. al-tanghim (التنغيم)

Perkataan tarannum disandarkan kepada tarannum Al-Quran adalah berdasarkan kepada hadith berikut:

مَا أَدْنَى اللَّهِ لَشَيْءٍ مَا أَدْنَى لَنَبِيٍّ حَسَنَ التَّرَنُّمِ بِالْقُرْآنِ

Maksudnya: Allah s.w.t tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara seperti mana Allah s.w.t menumpukan perhatian kepada seorang nabi yang memperelokkan tarannum al-Qurannya.⁵

¹ Muhammad bin Mukram Ibn Manzur (1405), *Lisan al-'Arab*, Bayrut: Dar Sadir, jld. 12, h. 256.

² Sebagai contoh, seekor merpati yang menyanyi.

³ Benda-benda bukan hidup dan berjisim seperti sebuah gambus (gitar) yang menyanyi. Sila lihat Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad Ibn al-Athir, (1963), *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-'Athar*, al-Qahirah: Maktabah Islamiyyah, jld. 2, h. 271.

⁴ Ibn Manzur (1405), *op.cit.*, jld. 12, h. 257.

⁵ أَدْنَى (adhina) bermakna اسْتَمَعَ (istama'a) iaitu mendengar dengan penuh perhatian. Abd al-'Azim bin Abd al-Qawiy al-Munziriy, (1933), *al-Tarhib Wa al-Tarhib Min Hadith al-Sharif*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, jld. 2, h. 309. Lihat juga Shamsuddin Abu Abdillah Muhammad bin Hasan, Ibn Himmat, al-Dimashqiyy, *al-Tankit Wa al-Ifadah Fi Takhrij Ahadith Khatimah Safar al-Sa'adah*. Dimashq: Dar al-Ma'mun, h. 189. Kedua-duanya dengan sanad yang sahih.

Adalah perlu ditekankan bahawa Rasulullah s.a.w menggunakan istilah khusus tarannum bi al-Quran (الترنم بالقرآن). Oleh kerana perkataan tarannum adalah umum dan boleh digunakan kepada perkara lain juga, maka *tarannum bi al-Quran* sepatutnya dijadikan suatu istilah khusus kepada bidang pengajian ilmu ini.

Tarannum dari sudut istilah

Tarannum bi al-Quran ialah suatu ilmu atau kaedah yang membicarakan tentang kepelbagaian bunyi mengikut proses nada, rentak dan irama yang tertentu bertujuan untuk menambahkan keelokan seni bunyi sesuatu bacaan al-Quran.⁶


Setiap tarannum bi al-Quran mestilah tidak terpisah dari ciri-ciri berikut:

- 1) Nada iaitu tingkatan atau tekanan bunyi suara.
- 2) Rentak iaitu gerakan untuk menghidupkan bunyi suara
- 3) Irama iaitu alunan atau bentuk bunyi.⁷

Sesuatu bunyi yang tidak mengandungi ketiga-tiga ciri tersebut tidaklah dikatakan sebagai *tarannum bi al-Quran*.

TARANNUM AL-QURAN ADALAH SUNNAH RASULULLAH S.A.W

Firman Allah s.w.t:



Maksudnya: *Dan bacalah al-Quran dengan cara tartil*⁸

⁶ Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail (1998), *op.cit*, h. 112.

⁷ Ibid.

⁸ Al-Quran, surah al-Muzzammil (73): 4

Ibn Manzur menukilkan bahawa al-tartil bermaksud sebaik-baik bacaan, jelas dan terang, serta perlahan-lahan.⁹ Ibn 'Abbas r.a mentafsirkan bacaan yang jelas, terang makhrajnya serta perlahan-lahan¹⁰. Sayidina 'Ali r.a pula berpendapat al-tartil ialah

تَجْوِيدُ الْحُرُوفِ وَمَعْرِفَةُ الْوُقُوفِ¹¹

Maksudnya: *Memperelokkan sebutan huruf dan mengetahui tempat-tempat waqf dan ibtida*¹²

Ini bermakna bahawa al-tartil ialah bacaan yang penuh berhati-hati, sempurna tajwid dan makhraj dengan alunan bacaan yang menarik tanpa kegopohan.

Rasulullah s.a.w membaca al-Quran dengan tartil serta suara dan tarannum yang baik. Ini diperjelaskan dalam hadith berikut:

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ وَالتَّيْنِ وَالزَّيْتُونَ فِي الْعِشَاءِ وَمَا سَمِعْتُ أَحَدًا أَحْسَنَ صَوْتًا مِنْهُ

Maksudnya: *Dari al-Bara' bin 'Azib r.a berkata: Aku dengar nabi s.a.w membaca surah al-tin dalam sembahyang Isyak. Aku tidak pernah mendapati seorang yang lebih baik suara (bacaannya) lebih dari baginda s.a.w.*¹³

Hadith ini membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w membaca al-Quran dengan suara yang terbaik.

⁹ Ibn Manzur, (1405), *op.cit*, jld. 11, h. 265.

¹⁰ Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi (1994), *Ruh al-Ma'ani*, Bayrut: Ihya' al-Turath al-Arabiyy, juz 19 h. 15 dan 16.

¹¹ Shihab al-Din Abu Bakr bin Ahmad bin Muhammad Ibn al-Jaziriy (1418), *Sharh Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 34.

¹² Waqf bermaksud berhenti ketika suatu ayat di baca. Ibtida' ialah tempat memulakan suatu ayat sama ada bersesuaian atau sebaliknya.

¹³ Muhammad bin Isma'il al-Bukhariy (1345), *Sahih al-Bukhariy*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, jld. 1, h. 266.

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
زَيِّنُوا الْقُرْآنَ بِأَصْوَاتِكُمْ فَإِنَّ الصَّوْتَ الْحَسَنَ يَزِيدُ الْقُرْآنَ حُسْنًا

Maksudnya: Al-Bara' bin 'Azib r.a berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Hiasilah al-Quran dengan suara kamu. Ini kerana suara yang baik akan menambahkan lagi keelokan al-Quran.¹⁴

Hadith ini juga menyokong tentang penggunaan suara yang baik ketika mentilawahkan al-Quran.

عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُعَفَّلٍ الْمُزَنِيُّ يَقُولُ : قَرَأَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ الْفَتْحِ
فِي مَسِيرِ لَهُ سُورَةَ الْفَتْحِ عَلَى رَاحِلَتِهِ فَرَجَعَ فِي قِرَاءَتِهِ

Maksudnya: Abdullah bin Mughaffal al-Muzaniy berkata bahawa Rasulullah s.a.w membaca surah al-Fath pada tahun pembukaan Kota Makkah. Pada ketika itu baginda s.a.w sedang menuju ke Makkah di atas kenderaan baginda s.a.w. Baginda s.a.w membacanya dalam keadaan mentarannumkannya.¹⁵

Hadith di atas pula menekankan kepada kita tentang *tarannum bi al-Quran* ketika pembacaan al-Quran. Ini adalah anjuran Rasulullah s.a.w kepada umatnya.

Berdasarkan hadith-hadith di atas, Tuan Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail¹⁶ mengatakan bahawa bacaan Rasulullah s.a.w adalah terdiri dari empat perkara asas iaitu tajwid, tarannum, fasahah dan suara.¹⁷


¹⁴ Muhammad bin 'Abdullah al-Hakim al-Naysaburi (1990), *al-Mustadrak 'Ala al-Sahihayn Fi al-Hadith*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jld. 1, h. 768. Lihat juga: al-Bukhariy (1345), *op. cit*, jld. 7, h. 56 dengan matan (زَيِّنُوا الْقُرْآنَ بِأَصْوَاتِكُمْ).

¹⁵ Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayriy al-Naysaburiy, (1995), *Sahih Muslim*, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, jld. 2, h. 193.

¹⁶ Beliau adalah seorang qari yang berpengalaman luas dalam bidang tarannum. Beliau juga merupakan hakim Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Malaysia (sejak 1983 hingga kini) dan antarabangsa (sejak 1992 hingga kini).

¹⁷ Temubual di rumah beliau di Pasir Mas pada 8 November 2008.

Unsur ini dapat diperjelaskan dalam gambar rajah berikut:



Sebagai membuktikan bahawa tartil mesti mengandungi empat unsur di atas, Imam Ibn al-Jazariy telah menukilkan dalam kitabnya yang masyhur '*Tayyibah al-Nashr*' sebagaimana berikut,

ويقرأ القرآن بالتحقيق مع * حذر وتدوير وكل متبع
مع حسن صوت بلحون العرب * مرتلا مجودا بالعربي

Maksudnya: Dibaca al-Quran itu dengan tahqiq¹⁸ bersama * hadar¹⁹ dan tadwir,²⁰ semua itu adalah (sunnah) yang diikuti (dari Rasulullah s.a.w) dengan menggunakan suara yang elok dihiasi pula dengan tarannum-tarannum Arab * secara murattal,²¹ mujawwad²² dengan lajhah Arab.

¹⁸ Suatu bacaan yang lambat dan tenang, memberi hak setiap makhraj huruf, panjang mad dan ghunnah yang sempurna.

¹⁹ Bacaan yang cepat tetapi masih menjaga hukum tajwid. Walau bagaimana pun kaedah tajwid adalah sukar untuk dikawal dalam keadaan ini.

²⁰ Kadar bacaan pertengahan di antara bacaan tahqiq dan hadar.

²¹ Bacaan dalam bentuk tartil iaitu perlahan-lahan dan memerhatikan tajwid al-Quran

²² Bacaan bertajwid serta disulami dengan tarannum al-Quran yang baik.

HUKUM TARANNUM BI AL-QURAN

Banyak hadith-hadith yang menegaskan tentang permasalahan *tarannum bi al-Quran*. Abu Hurayrah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

ليس منا من لم يتغن بالقرآن

Maksudnya: Bukanlah dari golongan (umat) kami, sesiapa yang tidak bertarannum dengan al-Quran.²³

Hadith ini jelas menunjukkan perintah *tarannum bi al-Quran* terhadap qari-qari yang membaca al-Quran.

Para ulama berselisih pendapat tentang makna perkataan (يَتَغَنَّ) dalam hadith di atas.

Ibn al-Jawziy²⁴ berkata perkataan al-taghanniy (التغنى) mempunyai beberapa pengertian:²⁵

1. Tahsin al-Sawt (تحسين الصوت) iaitu memperelokkan suara.
2. Al-Istighna' (الاستغناء) iaitu merasa kaya dan cukup dengan al-Quran.
3. Al-Tahazzun (التحزن) bersedih dan berduka iaitu dengan suara yang lembut, halus, berseni serta khusyuk yang dapat mewujudkan suasana syahdu untuk menangis.²⁶ Ini kerana Rasulullah s.a.w bersabda, (maksudnya): sesungguhnya al-Quran itu turun dalam situasi kesedihan. Lalu, apabila kamu membacanya, hendaklah kamu menangis. Kalau tidak mampu, hendaklah kamu buat-buat menangis²⁷ (kerana ia akan mendatangkan tangisan yang sebenar).

²³ Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (1345), *op.cit.*, jld. 4, h. 411.

²⁴ Beliau ialah Jamal al-Din Abd al-Rahman bin Ali al-Jawzi (511-597 H), imam hafiz di Iraq.

²⁵ Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalaniy (1414), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhariy*, Bayrut: Dar al-Fikr, jld. 9, h. 69.

²⁶ 'Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin al-Munawiy (1356), *Fayd al-Qadir Sharh al-Jami' al-Saghir*. Misr: Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, jld. 2, h. 62.

²⁷ Muhammad bin Yazid Abu Abdullah al-Qazwiniy (1962), *Sunan Ibn Majah*, Bayrut: Dar al-Fikr, jld. 1, h. 424. Imam al-Ghazali memberi pendapat beliau: cara untuk mendatangkan kesedihan ketika membaca al-Quran ialah dengan memperhatikan segala ayat ancaman, cabaran, ayat perjanjian dan piagam, lalu, seorang qari itu membandingkan dengan segala kealpaan dan yang ada pada dirinya dalam menunaikan segala perintah dan meninggalkan segala larangan. Dengan itu, dia akan merasa sedih. Kalau dia tidak mampu menangis juga, maka menangislah kerana ketidakmampuannya untuk menangis. Ini kerana ia adalah sebesar-besar musibah. Sila lihat: 'Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin al-Munawiy (1356), *op.cit.*, jld. 2, h. 62.

4. Al-Tashaghul bihi (التشاغل به) iaitu menyibukkan diri dengan urusan al-Quran.
5. Al-Taladhdhudh wa al-istihla' (التلذذ والاستحلاء) iaitu ceria, seronok, gembira dengan Al-Quran.
6. (هجرى العرب التغنى)²⁸ iaitu kelaziman dan adat masyarakat Arab suka bertarannum. Ibn al-A'rabi berkata: menjadi kebiasaan masyarakat Arab apabila mereka menunggang unta atau berada di halaman-halaman rumah, mereka akan bersiulan menyanyi. Apabila al-Quran diturunkan Rasulullah s.a.w sangat suka agar kebiasaan mereka berubah kepada bertarannum dengan al-Quran.²⁹

Para ulama tiada khilaf tentang sunat dan digalakkan memperelokkan suara serta bertarannum dalam had-had yang dibenarkan oleh syarak iaitu selagi mana tidak terkeluar dari cara bacaan yang digariskan oleh ulama qiraat yang muktabar.

Imam al-Nafrawiy al-Malikiy berkata bahawa membaca al-Quran dengan suara yang baik beserta tarannum dan tajwid yang digaris oleh syarak, tidak ada salah padanya bahkan mendatangkan khusuk dan memikirkan dengan ayat-ayat Allah s.a.w.³⁰

Al-Khatib al-Syarbiniy pula berkata, memperelokkan suara ketika membaca al-Quran adalah sunat.³¹

Begitu juga tiada perselisihan di kalangan ulama tentang tegahan membaca al-Quran dengan bertarannum sehingga merosakkan tajwid, menyembunyikan makhraj, mengeluarkannya bukan dari tempat yang sepatutnya, mengubah baris dan memanjangkan *mad* melebihi had yang sepatutnya kerana menjaga kaedah tarannum.³²

²⁸ Hijira (هجرى) bermaksud kerja, urusan, kelaziman, tabiat dan adat. Sila lihat: Ibn Manzur (1405), *op.cit.*, jld. 5, h. 254. Lihat juga: Mahmud bin 'Umar al-Zamakhshariy (1979), *al-Fa'iq fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Qahirah: Dar al-Fikr, jld. 2, h. 36.

²⁹ Ibn Hajar al-'Asqalaniy (1414), *op.cit.*, jld. 9, h. 69.

³⁰ Ahmad Ibn Ghunaym al-Nafrawiy (1420), *al-Fawakih al-Dawani Sharh 'Ala Risalah Al-Qayrawan*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, jld. 2, h. 393.

³¹ Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Sharbiniy (1989), *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani al-Alfaz al-Minhaj*. Qahirah: Dar al-Fikr, jld. 4, h. 429.

³² Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf al-Nawawiy (1392), *Sharh al-Nawawiy 'ala Sahih Muslim*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, jld. 3, h. 235.

Pendapat para ulama terbahagi kepada dua golongan:

- a) Pendapat pertama: Golongan yang tidak mengharuskan bertarannum.

Mereka berpegang kepada dalil-dalil berikut:

- 1) Dari Hudhayfah bin al-Yamaniy r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

اقْرَءُوا الْقُرْآنَ بِلُحُونِ الْعَرَبِ وَأَصْوَاتِهَا وَإِيَّاكُمْ وَلُحُونِ أَهْلِ
الْكِتَابَيْنِ وَأَهْلِ الْفَسْقِ فَإِنَّهُ سَيَجِيءُ بَعْدِي قَوْمٌ يَرْجِعُونَ
بِالْقُرْآنِ تَرْجِيعَ الْغَنَاءِ وَالرَّهْبَانِيَّةِ وَالنُّوحَ لَا يَجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ
مَفْتُونَهُ قُلُوبُهُمْ وَقُلُوبُ مَنْ يَعْجِبُهُمْ شَأْنُهُمْ

Maksudnya: *Bacalah al-Quran dengan tarannum-tarannum Arab³³ dan suara mereka. Dan jauhilah diri kamu dari tarannum-tarannum ahl al-kitabayn³⁴ dan orang-orang fasiq.³⁵ Sesungguhnya akan datang satu kaum yang mentarannumkan al-Quran dengan tarannum-tarannum nyanyian, tarannum gereja dan tarannum kematian. Sebelum melangkahi leher mereka pun sudah rosak hati mereka dan hati orang yang mengagumi keadaan mereka.³⁶*

³³ Tarannum yang baik dan tidak merosakkan segala huruf dan tajwid walaupun sedikit. Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin al-Munawiy (1356), *op.cit*, jld. 2, h. 83.

³⁴ Ahli kitab iaitu Yahudi dan Nasrani.

³⁵ Orang yang mengabaikan tajwid al-Quran. Sila lihat: 'Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin al-Munawiy (1356), *op.cit*, jld. 2, h. 83.

³⁶ Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad al-Tabaraniy (1404) *al-Mu'jam al-Kabir*, Jeddah: Dar al-Bayan al-'Arabiyy, jld. 18, h. 35. Sila lihat: 'Aliy bin Abi Bakr al-Haythamiy (1407) *Majma' al-Zawa'id*. Qahirah: Dar al-Kutub al-'Arabiyy, jld. 3, h. 249. Kata al-Haythamiy dalam riwayat al-Tabaraniy, terdapat seorang perawi yang tidak dijelaskan. Lihat juga: Yusuf bin 'Abdullah Ibn 'Abd al-Barr (1387), *al-Tamhid lima fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*. Maghrib: Matba'ah Fudalah, jld. 8, h. 147.

- 2) Riwayat dari 'Abis al-Ghifari r.a bahawa Rasulullah s.a.w menyebut berkenaan tanda-tanda hari Qiamat. Di antaranya ialah,

وَنَشُوءٌ يَتَّخِذُونَ الْقُرْآنَ مَزَامِيرَ يُقَدِّمُونَ الرَّجُلَ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ لَيْسَ
بَأَفْقَهُمْ لَا يُقَدِّمُونَهُ إِلَّا لِيُعْنِيَهُمْ بِهِ غِنَاءٌ

Maksudnya: Suatu kemabukan iaitu orang-orang yang menjadikan al-Quran sebagai seruling-seruling (hiburan). Mereka mengutamakan seseorang lelaki dihadapan mereka bukan kerana paling faqih tetapi disebabkan lelaki tersebut pandai bertarannum dengan al-Quran³⁷.

- 3) Dari Abu Abd al-Rahman bin Abi Bakrah r.a yang berkata,

كَانَتْ قِرَاءَةُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدُّ، لَيْسَ فِيهِ تَرْجِيعٌ

Maksudnya: Bacaan (al-Quran) Rasulullah s.a.w itu adalah secara *mad*³⁸ dan tiada *tarji* (bertarannum).³⁹

- 4) Ibn al-Qayyim menukilkan satu riwayat bahawa Ziyad al-Nahdi datang menziarai Anas bin Malik r.a. bersama beberapa orang qurra'. Kemudian dikatakan kepada Ziyad:

اقْرَأْ، فَرَفَعَ زِيَادُ صَوْتَهُ بِالْقِرَاءَةِ وَطَرَبَ، وَكَانَ رَفِيعَ
الصَّوْتِ، فَكَشَفَ أَنَسٌ عَنْ وَجْهِهِ — وَكَانَ عَلَى وَجْهِهِ
خَرْقَةٌ سَوْدَاءُ — وَقَالَ: يَا هَذَا مَا هَكَذَا كَانُوا يَفْعَلُونَ،
وَكَانَ أَنَسٌ إِذَا رَأَى شَيْئًا يَنْكَرُهُ رَفَعَ الْخَرْقَةَ عَنْ وَجْهِهِ

³⁷Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad al-Tabaraniy (1404) *op. cit.*, jld. 12, h. 392. 'Ali bin Abi Bakr al-Haythamiy (1407) *op. cit.*, jld. 7, h. 169.

³⁸ Memanjang bacaan khususnya dalam huruf *mad* iaitu (ا, و, ي) yang bertemu hamzah (ء). Keadaan ini amat banyak di dalam al-Quran.

³⁹ Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad al-Tabaraniy (1404) *al-Mu'jam al-Awsat*. Jeddah: Dar al-Bayan al-'Arabiyy, jld. 10, h. 460.

Maksudnya: Bacalah al-Quran. Kemudian Ziyad membaca dengan suara yang tinggi dan bertarannum. Kebetulan Ziyad memang mempunyai bakat suara bernada tinggi. Tiba-tiba Anas memecat kain berwarna hitam dari mukanya, seraya berkata: Wahai awak, apa yang sedang mereka lakukan ini? Menjadi kebiasaan Anas, apabila melihat sesuatu perkara yang tidak disukainya, beliau akan menyingkap kain dari mukanya.⁴⁰

- 5) Dalil rasionalnya ialah tarannum dalam bacaan al-Quran menerbit huruf tambahan seperti *hamzah* (ء) yang bukan di tempat *hamzah* (ء), memanjangkan bacaan bukan di tempat *mad* dan membunyikan satu huruf alif (ا), waw (و) dan ya' (ي) seolah-olah huruf tersebut berulang-ulang beberapa kali. Ini semua membuktikan bahawa tarannum tersebut tidak harus.

b) Pendapat kedua: Golongan yang mengharuskan bertarannum.

- 1) Rasulullah s.a.w bersabda:

مَا أَذِنَ اللَّهُ لشيءٍ مَا أَذِنَ لِلنَّبِيِّ أَنْ يَتَغَنَّى بِالْقُرْآنِ

Maksudnya: Allah s.w.t tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara seperti mana Allah s.w.t menumpukan perhatian kepada seorang nabi yang memperelokkan tarannum (tarannum) al-Qurannya.⁴¹

Sebahagian para ulama tidak bersetuju dengan makna hadith di atas termasuk Sufyan bin 'Uyaynah⁴² berpendapat (التغنى) al-taghamni bermaksud (الاستغناء) istighna' iaitu berasa kaya dan cukup dengan al-Quran⁴³.

⁴⁰ Muhammad bin Abi Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1981), *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad*. Lubnan: Mu'assasah al-Risalah, jld. 1, h. 137.

⁴¹ Muhammad bin Isma'il al-Bukhariy (1345), *op. cit*, jld. 3, h. 346.

⁴² Beliau ialah Sufyan bin 'Uyaynah bin 'Imran al-Hilaliy (107-198H), seorang imam hadith yang ulung.

⁴³ Muhammad Shams al-Haqq al-'Azim al-Abadi (1968), *'Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abi Dawud*. Al-Madinah: Maktabah al-Salafi, jld. 4, h. 240.

Dengan itu, hadits di atas bermaksud “ bukan golongan umat kami sesiapa yang tidak merasa kaya dan cukup dengan al-Quran, lalu masih bersikap tamak haloba terhadap dunia “.⁴⁴

Mereka bersandarkan kepada hadits berikut:

ورجل ربطها تغنيا وتعفا ولم ينس حق الله في رقابها ولا ظهورها فهي
له ستر

Maksudnya: *Seorang lelaki yang menambat kudanya, merasa cukup dan tidak perlu meminta-minta (dari manusia)⁴⁵ dan tidak lupa hak Allah s.w.t terhadap leher⁴⁶ dan belakang⁴⁷ kudanya, maka ia akan menjadi penghalang⁴⁸ kepadanya (penyekat kemiskinan).⁴⁹*

Justeru, (التغني) al-taghanni adalah bermaksud (الاستغناء) istighna'.

Ibn Hajar menjustifikasikan bahawa perkataan (التغني) al-taghanni dalam hadits sahih di atas bermaksud (الاستغناء) istighna' tanpa keraguan.⁵⁰ Ini kerana ia diikat dengan jelas dengan perkataan (تعفا) ta'affufan yang bermaksud menjauhi dari meminta-minta kepada manusia.

Imam al-Syafi'iy pula menolak pendapat yang mengatakan (التغني) al-taghanni bermaksud (الاستغناء) istighna'. Beliau menegaskan, sekiranya demikian, maka hadits tersebut sepatutnya berbunyi (من لم يستغن بالقرآن)⁵¹ sedangkan lafaznya menyebut (من لم يتغن بالقرآن). Dengan sebab itu ia bermaksud memperelokkan suara dan bertarannum dengan al-Quran.⁵²

⁴⁴ Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalaniy (1414), *op.cit*, jld. 9, h. 69.

⁴⁵ Iaitu pendapatannya dari hasil kerja kudanya atau upah orang yang menyewa kudanya.

⁴⁶ Berbuat baik, menjaga makan minumannya serta kasihan terhadap kudanya. Sila lihat: Yusuf bin 'Abdullah Ibn 'Abd al-Barr (1387), *op.cit*, jld. 4, h. 210.

⁴⁷ Tidak meletakkan bebanan di atas belakang melebihi kemampuannya. Sila lihat: Muhammad bin Abd al-Baqiy al-Zarqaniy (1992), *Sharh al-Zarqaniy 'ala Muwatta' al-Imam Malik*. Abu Zabi: Wizarah al-Syu'un al-Islamiyyah, jld. 3, h. 8.

⁴⁸ *Ibid*, jld. 3, h. 7.

⁴⁹ Muhammad bin Isma'il al-Bukhariy (1345), *op.cit*, jld. 2, h. 835.

⁵⁰ Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalaniy (1414), *op.cit*, jld. 9, h. 69.

⁵¹ 'Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin al-Munawiy, (1356), *op.cit*, jld. 5, h. 387.

⁵² Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf al-Nawawy (1392), *op.cit*, jld. 6, h. 78.

Menurut pendapat imam al-Tabariy⁵³, al-taghamni bermaksud tarannum kerana hadith di atas jelas menyebutkan perkataan أَذِنَ ('adhina) bermakna اسْتَمَعَ (istama'a) iaitu mendengar dengan penuh perhatian.

Pendapat ini juga ditegaskan oleh Ibn Qudamah⁵⁴ yang menerangkan bahawa sekiranya ia bermaksud (الاستغناء) istighna' iaitu merasa kaya dan cukup, maka ia tidak tepat.⁵⁵ Ini kerana Rasulullah s.a.w menyebut perkataan perkataan 'mendengar', 'suara' serta 'menyaringkan' sebagaimana yang disebut dalam riwayat yang lain pula,

يَتَغَنَّى بِالْقُرْآنِ يَجْهَرُ بِهِ

Bermaksud: Bertarannumkan dengan al-Quran dengan menyaringkan (suara) dengannya.⁵⁶

Jelasnya, nyaring adalah berkait secara langsung dengan bacaan dan tidak kepada perasaan kaya dan cukup.⁵⁷

Imam al-Ghazaliy pula menegaskan al-taghamni bermaksud al-tarannum dan kepelbagaianya. Itulah yang paling diterima oleh pakar bahasa.⁵⁸

Ibn Rusyd berkata bahawa makna hadith, (ليس منا من لم يتغن بالقرآن) ialah bukanlah umat kami orang yang tidak berasa gembira dan seronok mendengar bacaan al-Quran. Ini berlaku kerana hatinya menjadi lunak dan asyik mendengar kalam Tuhannya seperti mana peminat nyanyian yang terpesona dengan alunan penyanyi mereka.⁵⁹

⁵³ Beliau ialah Imam Muhammad bin Jarir al-Tabariy (225-310H). Seorang yang sangat alim dalam bidang tafsir, hadith dan ahli sejarah serta faqih.

⁵⁴ Beliau ialah Abdullah bin Ahmad bin Muhammad Ibn Qudamah. (541-620H). Seorang ulama masyhur bermazhab Hanbali.

⁵⁵ Abdullah bin Ahmad Ibn Qudamah al-Maqdisiy, (1405), *al-Mughni*, Bayrut: Dar al-Fikr, jld. 12, h. 47.

⁵⁶ Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf al-Nawawiy (1392), *op.cit*, jld. 6, h. 78.

⁵⁷ Abdullah bin Ahmad Ibn Qudamah al-Maqdisiy, (1405), *op.cit*, jld. 12, h. 47.

⁵⁸ Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazaliy (1997), *Ihya' 'Ulum al-Din*. Qahirah: Maktabah Misr, jld. 3, h. 118.

⁵⁹ Muhammad bin Ahmad Ibn Rusyd (t.t), *al-Muqaddimat al-Mumahhidat li Bayan Ma Iqtadathu Rusum al-Mudawwanah min al-Ahkam al-Shar'iyah*. Misr: Maktabah al-Azhariyyah, jld. 3, h. 463.

Dengan itu, Imam al-Shafi'iy, para penyokong serta jumhur ulama berpegang bahawa (التغنى) al-taghanni bermakna memperelokkan seni suara terhadap al-Quran.⁶⁰

- 2) Hadith yang diriwayatkan oleh Muawiyah bin Qurrah dari Abdullah ibn Mughaffal al-Muzaniy yang berkata,

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْفَتْحِ عَلَى نَاقَةٍ لَهُ
يَقْرَأُ سُورَةَ الْفَتْحِ أَوْ مِنْ سُورَةِ الْفَتْحِ قَالَ فَرَجَعَ فِيهَا قَالَ ثُمَّ
قَرَأَ مُعَاوِيَةُ يَحْكِي قِرَاءَةَ ابْنِ مَغْفَلٍ وَقَالَ لَوْلَا أَن يَجْتَمِعَ النَّاسُ
عَلَيْكُمْ لَرَجَعْتُ كَمَا رَجَعَ ابْنُ مَغْفَلٍ يَحْكِي النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: Daku melihat Rasulullah s.a.w pada hari pembukaan Kota Makkah. Baginda s.a.w berada di atas unta dan membaca surah al-Fath atau sebahagiannya dalam keadaan bertarannum. Kemudian Mu'awiyah membaca seperti mana bacaan Ibn Mughaffal seraya berkata: "Kalaulah bukan disebabkan orang akan berkumpul bersama kamu, pastinya daku akan bertarannum sepertimana Ibn Mughaffal menceritakan bacaan Rasulullah s.a.w."⁶¹

Lalu orang bertanya Muawiyah,

كَيْفَ كَانَ تَرْجِيْعُهُ قَالَ آ آ آ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ

Maksudnya: Bagaimanakah sifat tarannum Rasulullah s.a.w itu?
Jawab muawiyah: A tiga kali.⁶²

⁶⁰ Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf al-Nawawiy (1392), *op.cit*, jld. 6, h. 78.

⁶¹ Muslim bin Hajjaj al-Qushayriy al-Naysaburiy, (1995), *op.cit*, juz. 2, h. 193.

⁶² Muhammad bin Isma'il al-Bukhariy (1345), *op.cit*, jld. 4, h. 414.

Dalam hadits ini, Abdullah bin Mughaffal menggambarkan bacaan Rasulullah s.a.w ketika Rasulullah s.a.w bertarannum iaitu bacaan Rasulullah s.a.w yang lembut dengan suara yang bergetar di dalam kerongkong baginda s.a.w. Ini kerana sebutan huruf alif tersebut berulang-ulang sebanyak 3 kali.

Imam al-Sindiyy menyatakan ini adalah jelas bahawa harus bertarannum dalam bacaan.⁶³

Imam al-Qurtubi tidak bersetuju dengan pendapat ini menyatakan bahawa kemungkinan keadaan tersebut terjadi kerana Rasulullah s.a.w berada di atas unta yang bergerak.⁶⁴

Alasan itu tidak dapat diterima kerana kerana Rasulullah s.a.w memang melakukan demikian dan bukan terjadi secara tidak sengaja disebabkan oleh gegaran unta yang dinaiki baginda s.a.w.

Sekiranya berlaku secara tidak sengaja nescaya Abdullah Ibn Mughaffal tidak akan meriwayatkannya dan menyuruh orang supaya mencontohi bacaan baginda s.a.w. Begitu juga sekiranya ia adalah disebabkan oleh gegaran unta, pastilah ia tidak boleh dinamakan sebagai bertarannum sebagaimana dalam riwayat tersebut.⁶⁵

- 3) Riwayat dari Abu Musa al-'Asy'ari, baginda s.a.w bersabda kepadanya:

لو رأيته وأنا أستمع لقراءتك البارحة، لقد أوتيت مزماراً
من مزامير آل داود، فقال أبو موسى: أما والله لو علمت
أنك تسمع قراءتي لحبستها لك تحبيراً

⁶³ Nur al-Din bin 'Abd al-Hadi al-Sindiyy (t.t), *al-Bukhari Sharh al-Sindiyy*. Maktab al-Matbu'ah al-Islamiyyah, jld. 3, h. 235.

⁶⁴ Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubiy (1968), *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Qahirah: Dar al-Katib al-'Arabiyy li al-Tiba'ah wa al-Nashr, jld. 1, h. 16.

⁶⁵ Muhammad bin Abi Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1981), *op.cit*, jld. 1, h. 134.

Maksudnya: *Kalaulah kamu melihat bahawa daku mendengar bacaan kamu malam tadi, sesungguhnya engkau diberi satu seruling dari seruling keluarga nabi Dawud a.s .*

Jawab Abu Musa r.a: Demi Allah! kalaulah saya mengetahui bahawa tuan mendengar bacaan saya, pastinya saya akan perelokkan (bacaan dan suara) saya dengan paling merdu.⁶⁶

Sebagaimana yang diketahui bahawa Abu Musa al-'Asy'ariy r.a adalah salah seorang qari di zaman Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w memuji bacaan beliau yang baik dan merdu dengan menggambarkannya seperti seruling keluarga nabi Dawud a.s.

Ini bermakna bahawa Abu Musa al-'Asy'ariy r.a bertarannum dalam bacaannya. Bahkan sekiranya beliau tahu baginda s.a.w sedang mendengar, dia tentu akan menambah lagi keelokan bacaan dan tarannumnya.

- 4) Imam Badruddin al-Ayniy meriwayatkan bahawakan Sayidina 'Umar r.a berkata kepada Abu Musa al-'Asy'ariy r.a:

ذكرنا ربنا، فقرأ أبو موسى ويتلاحن، وقال عمر رضي الله
عنه مرة من استطاع أن يغني بالقرآن غناء أبي موسى
فليفعل

Maksudnya: *Berilah peringatan agar kami dapat mengingati Allah s.w.t . Lalu Abu Musa membaca al-Quran dan bertarannum. Kemudian Umar berkata, "barangsiapa yang mampu bertarannum seperti tarannum Abu Musa, maka sila lakukan."*⁶⁷

⁶⁶ Riwayat imam Muslim sehingga (مزامير آل داود), Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayriy, al, (1995), *Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, jld. 1, h. 793. lihat juga: Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalaniy (1414), *op.cit*, jld. 14, h. 272.

⁶⁷ Badr al-Din bin Mahmud al-'Ayniy (1421) *Umdah al-Qari*. Bayrut: Dar Al-Kutub al-Ilmiyyah, juz. 20, h. 41.

- 5) Hujjah rasional keharusan tarannum:
 - a) Sesungguhnya memperelokkan bacaan al-Quran dengan tarannum dan suara yang merdu amat memberi kesan kepada jiwa serta menambah kekhayalan.
 - b) Sifat insani manusia memerlukan kepada bunyi dan tarannum yang merdu sebagai pengubat jiwa. Maka tarannum al-Quran adalah sebagai ganti kepada bunyi-bunyian dan tarannum yang diharamkan Allah s.a.w.
 - c) Sesungguhnya bacaan al-Quran bertarannam tidak merosakkan tilawah al-Quran selagi mana tidak merosakkan tajwid al-Quran. Realiti tarannum dalam masyarakat membuktikan hal ini.

Imam Ibn al-Qayyim⁶⁸ berkata bahawa tarannum ini terbahagi dua:

- 1) Tarannum yang berdasarkan naluri tabi'i yang dapat dilakukan tanpa kesusahan dan latihan. Sekiranya seseorang mampu menambah lagi keelokan tarannum seperti Abu Musa al-'Asy'ariy, dan masih dikira dalam bentuk naluri semula jadi, maka ia diterima. Inilah yang dilakukan oleh para salaf yang membaca al-Quran dan memberi kesan kepada pendengarnya.
- 2) Tarannum yang dibentuk dan kaedahnya susah dan perlu dipelajari serta dilatih. Ini seperti tarannum yang mengikut kaedah muzik yang dicipta oleh pakar-pakar muzik. Inilah yang dipandang makruh dan ditegah oleh para salaf.⁶⁹

Shaykh al-Maqari' Mahmud Khalil Husariy berkata, penggunaan tarannum Hijaz, Sikah, 'Ushshaq dan lain-lain adalah harus selagi mana tidak merosakkan ilmu tajwid. Sekiranya ia mencacatkan ilmu tajwid maka ia adalah disepakati pengharamannya.⁷⁰

Ibn Battal menyebutkan beberapa orang sahabat seperti Umar al-Khattab, Ibn 'Abbas, Ibn Mas'ud r.a. mengharuskan bacaan al-Quran secara bertarannum. Begitu juga Imam Abu Hanifah dan al-Shafi'iy.⁷¹

⁶⁸ Beliau ialah Muhammad bin Abi Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyah (691-751H). Seorang ulama besar pada kurun kelapan hijrah.

⁶⁹ Muhammad bin Abi Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1981), *op. cit.*, jld. 1, h. 137.

⁷⁰ Mahmud Khalil al-Husariy (1423), *Ma'al Quran al-Karim*. Qahirah: Maktabah al-Sunnah, h. 109

⁷¹ Ali bin Khalaf bin 'Abd al-Malik Ibn Battal (2000), *Sharh Sahih al-Bukhariy*. Riyadh: Maktabah al-Rushd, jld. 10, h. 342.

Imam al-Shafi'iy menyatakan bahawa tidak mengapa membaca al-Quran dengan tarannum dengan pelbagai bentuk dan memperelokkan suara.⁷²

Imam al-Nawawiy menyimpulkan bahawa sekiranya tarannum tersebut masih tidak melampaui batas iaitu tidak merosakkan merosakkan lafaz al-Quran seperti menambah dan mengurangkan baris, memajangkan qasr, memendekkan *mad*, menyembunyi baris yang menyebabkan kecelaruan makna, maka ia adalah harus.

Sekiranya ia merosakkan atau mencacatkan salah satu hukum hakam tajwid, para ulama bersepakat tentang pengharamannya.⁷³

Kesimpulan

Melihat kepada pendalilan dan hujahan yang diberi oleh para ulama, sekalipun masih wujud pro dan kontra, maka beberapa kesimpulan boleh diambil:

1. Hukum tarannum al-Quran adalah harus bahkan sunat sekiranya bertujuan memperelokkan tilawah al-Quran serta menurut hukum hakam tajwid yang tepat. Ini adalah berdasarkan hadith-hadith yang sahih.
2. *Ghuluw* atau melampau di dalam tarannum sehingga merosakkan tajwid, menyembunyikan makhraj, memendekkan *mad* dan seumpamanya adalah disepakati pengharamannya.

Kedua-dua kumpulan ulama yang membahaskan tentang tarannum al-Quran adalah bertujuan yang sama iaitu menjaga, memulia serta meninggikan al-Quran sebagai wahyu Allah s.w.t.

⁷² Muhammad bin Idris al-Shafi'iy (1983), *al-Umm*. Bayrut: Dar al-Fikr, jld. 6, h. 277.

⁷³ Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf al-Nawawiy (1992), *al-Tibyan fi Adab Hamalah al-Quran*. Bayrut: Dar Ibn Hazm, 64 dan 65.